

TERMA DAN SYARAT

Penganjur

1. **“Kempen ‘MyDebit & DuitNow QR’** di UKM Cheras, UKM Jalan Raja Muda Abdul Aziz, UKM Jalan Temerloh, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM, dan Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM” (**“Kempen”**) dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia **kampus Kuala Lumpur (“UKMKL”)** (**“Pihak Penganjur”**) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) sebagai penaja hadiah (**“Penaja Hadiah”**).

Kelayakan Peserta

2. Kempen ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:
 - a. kakitangan/warga kerja PayNet (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri masing-masing), dan/atau
 - b. wakil kakitangan/warga kerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan.

Tempoh Kempen & Kriteria Penyertaan

3. Kempen ini akan berlangsung dari jam **00:00 (GMT+8), 1 September 2022 sehingga jam 23:59 (GMT+8) 30 November 2022 (“Tempoh Kempen”)**.
4. Kitaran Hadiah Bulanan:
 - i. **Kitaran 1: 1 September 2022 – 30 September 2022 (10 Hadiah)**
 - ii. **Kitaran 2: 1 Oktober 2022 – 31 Oktober 2022 (10 Hadiah)**
 - iii. **Kitaran 3: 1 November 2022 – 30 November 2022 (15 Hadiah)**
5. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa.
6. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen adalah tidak sah dan terbatal.
7. Untuk mengelak sebarang keraguan, setiap penyertaan adalah bersifat automatik (**“auto-entry”**) mengikut tempoh yang dinyatakan di klausa 3 di atas.

8. Peserta mestilah membuat pembayaran melalui transaksi e-pembayaran iaitu MyDebit dan DuitNow QR di mana-mana kaunter bayaran UKMKL yang mengambil bahagian layak untuk menyertai Kempen ini dengan syarat-syarat berikut:
 - (a) pemegang-pemegang kad ATM MyDebit atau kad MyDebit korporat yang dikeluarkan oleh bank-bank dan institusi kewangan yang terlibat dengan servis MyDebit atau pengguna DuitNow QR di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas;
 - (b) peserta juga mesti mempunyai akaun bank yang sah dan/atau akaun perbankan internet atau perbankan mudah alih aktif dengan mana-mana bank-bank yang mengambil bahagian dalam perkhidmatan MyDebit dan DuitNow QR, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Kempen sehingga penewasan hadiah;
 - (c) melakukan sekurang-sekurangnya satu transaksi MyDebit atau DuitNow QR di kaunter-kaunter bayaran UKMKL yang mengambil bahagian dan mempunyai bukti transaksi; dan
 - (d) tiada had bilangan penyertaan, tetapi transaksi di luar Tempoh Kempen adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
9. Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya ia berpendapat kelayakan mana-mana Peserta dipersoalkan atau Peserta tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini kerana dan tidak terhad kepada Peserta yang melanggar terma dan syarat Kempen ini, mengganggu operasi Kempen ini, terdapat unsur penipuan atau penyalahgunaan, atau melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku yang dianggap memudaratkan atau tidak adil kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak yang lain (dalam setiap kes ditentukan pada budi bicara mutlak Pihak Penganjur).
10. Penyertaan melalui satu bayaran yang dibahagikan kepada beberapa transaksi adalah terbatal tetapi pembayaran berkala adalah dibenarkan.

Pemilihan Pemenang

11. Pemenang akan dipilih dan diumumkan selepas Tempoh Kempen. Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan pada kitaran tersebut (**"Peserta Terpilih"**).
12. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diterima oleh Pihak Penganjur.
13. Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi, atau gagal menjawab kesemua soalan pengesahan dengan tepat, Pihak Penganjur berhak membuat cabutan rawak seterusnya dan mengisytiharkan Peserta Terpilih yang berikutnya yang berjaya menjawab kesemua soalan pengesahan dengan tepat sebagai Pemenang.
14. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang, hadiah dan pelucutan hak hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat ataupun rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

15. Sejumlah ENAM PULUH LIMA RIBU RINGGIT MALAYSIA (RM65,000.00) wang tunai diperuntukkan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah wang tunai tersebut akan dibahagikan kepada tiga (3) kitaran hadiah seperti di jadual berikut:

Jenis	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Bulan Pertama	Wang Tunai Berjumlah RM2,000	10
Hadiah Bulan Kedua	Wang Tunai Berjumlah RM2,000	10
Hadiah Bulan Ketiga	Wang Tunai Berjumlah RM2,000	10
	Wang Tunai berjumlah RM1000	5

16. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh bagi penyerahan hadiah yang telah ditentukan sebelum penyerahan hadiah pada tarikh yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
17. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penerimaan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan, kos, fi atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penerimaan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
18. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Pihak Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
19. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur/Penaja Hadiah berhubung dengan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
20. Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur/Penaja Hadiah atau pihak bank atau institusi kewangan melalui e-mel, panggilan telefon atau apa-apa medium komunikasi yang bersesuaian berdasarkan maklumat yang terdapat dalam penyertaan yang telah diterima.

Hak Pihak Penganjur

21. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang/Peserta. Peserta/Pemenang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.

22. Jika atas apa-apa sebab Kempen ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Kempen ini.
23. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Kempen, operasi Kempen atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.
24. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.
25. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Kempen seperti yang terdapat di laman sesawang <https://hctm.ukm.my/en/> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
26. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Kempen ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://hctm.ukm.my/en/> akan diguna pakai.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Kempen sahaja.
28. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur,

sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini.

29. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

30. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
31. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Pihak Penganjur/Penaja Hadiah atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Pihak Penganjur untuk tujuan Kempen ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Pihak Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
32. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.

33. Pihak Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan / atau selepas Kempen. Pihak Penganjur juga ingin menasihatkan para peserta kami untuk menghubungi Pihak Penganjur untuk pengesahan mengenai Kempen ini.

Perlindungan Data

34. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Kempen ini sahaja, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Pihak Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
35. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini sahaja.
36. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
- a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Pihak Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Pihak Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
37. Sebarang isu perlindungan data bersama Pihak Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://hctm.ukm.my/en/>.

38. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
39. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Kempen ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

Umum

40. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://hctm.ukm.my/en/> pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen.
41. Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
42. Masa adalah intipati penting Terma & Syarat ini.
43. Terma & Syarat Kempen ini disediakan dalam Bahasa Melayu. Sebarang alihbahasa tidak diiktiraf.

[TAMAT]